

**UBIN SERAMIK :
SEJARAH, PENGELUARAN, REKABENTUK DAN PENGGUNAANNYA.**

OLEH :

NOREIN BT. HAJI ISMAIL

90114110

DIPLOMA SENI REKA SERAMIK
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
JULAI 1990-JANUARI 1994

KANDUNGAN**HALAMAN**

Penghargaan

Prakata

Pengenalan

**BAB 1 : SEJARAH AWAL UBIN**

1.0 : Definisi Ubin 1 - 3

1.1 : Sejarah Awal Ubin 4 - 5

1.2 : Sejarah Pertumbuhan Industri Seramik di Semenanjung
Malaysia 5 - 7

1.3 : Sejarah Ubin di Timur Tengah 7 - 9

1.4 : Sejarah Dunia Ubin 9

BAB 2 : PENGELUARAN UBIN SERAMIK2.0 : Sejarah Pengeluaran Ubin di Malaysia (Kilang Ubin Syarikat
H&R Johnson Bhd.) 15

2.1 : Penggunaan Bahan-Bahan Mentah Di Dalam Proses Pengeluaran Ubin 15 - 16

2.2 : Fungsi Bahan Mentah Untuk Jasad Ubin 16 - 19

2.3 : Proses Bahan Mentah Untuk Jasad Ubin 19 - 25

2.4 : Proses Pengeringan Semburan 26 - 33

2.5 : Proses Pembakaran 34 - 38

2.6 : Penyediaan Licau 38 - 44

2.7 : Operasi 'Dipping Line' dan Pemilihan Ubin 45 - 54

2.8 : Masalah Ubin 55

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s. w. t kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan tesis ini di dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ABAH dan UMI yang disayangi atas bantuan, sokongan, galakkan dan kepercayaan kepada saya dalam menjayakan tesis ini. Semoga Allah melimpahkan rahmatNya, dimurahkan rezekiNya dan berbahagia selalu. Insya Allah.

Ucapan berbilang - banyak terima kasih kepada Encik Kamaruddin Kamsah, selaku penasihat tesis saya yang telah banyak memberi bimbingan semasa tesis ini di dalam pembikinan. Kepada Cik Ham Rabeah Bt. Kamarun, terima kasih atas jasa baiknya kerana sanggup menggantikan tempat Encik Kamaruddin Kamsah, kerana beliau telah pergi menyambung pelajaran ke peringkat Ph. D di United Kingdom pada akhir bulan Oktober 1993. Didoakan semoga berjaya dengan cemerlangnya. Segala tunjuk ajar dan perhatian yang telah diberikan oleh Cik Ham Rabeah Kamarun dalam proses penyiapan tesis ini, amat saya hargai.

Seterusnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang telah memberi tunjuk ajar, galakan dan dorongan kepada saya di dalam segala laporan, kajian sehinggalah permasalahan dan persoalan yang timbul serta penyusunan fakta-fakta untuk menyiapkan tesis ini.

1. Puan Siti Zaleha bt. Saad,
Pensyarah, Jabatan Seramik,
KSSR, ITM.

PENGENALAN

'Knowledge of ways to utilise clay has increased with time. Today, clay is used to form parts of rockets which travels outer space.'

Petikan kata - kata ini diambil dari buku yang bertajuk 'Making Pottery Without Wheels' yang ditulis oleh F. Carlton dan Janice, 1965, diterbitkan di New York.

Dari kata - kata ahli seramik Van Rostrand di atas, dapat membuktikan kepada kita akan kepentingan tanah liat di dalam perkembangan sains dan teknologi, khususnya di dalam peningkatan perindustrian pengeluaran ubin. Tanah liat bukan sahaja digunakan untuk membuat barang-barang harian dan barang-barang perhiasan, bahkan ia adalah salah satu bahan yang penting di dalam pembuatan roket, muncung kapal terbang dan jam tangan, namun masih ramai lagi yang tidak masyarakat yang tidak sedar akan hakikat ini.

Hari ini, ubin yang bersifat utilitarian mahupun non - utilitarian, dianggap istimewa kerana nilai - nilai keindahannya. Keindahan dapat dinilai menerusi ciri - ciri formal seperti reka bentuk dan reka corak di samping kepelbagaian bahan kajian serta motifnya. Ketinggian teknik, kaedah pembuatan yang halus lagi canggih perlu diambil kira dalam mengapresiasi ubin seramik yang dianggap istimewa itu.

Di Malaysia, kerajaan menggalakkan sektor perindustrian, terutamanya perindustrian pembuatan melalui tahap - tahap tertentu mengikut kemampuan teknologi, kemahiran tempatan, keadaan pasaran luar dan dalam negeri serta kedudukan kuasa beli. Jika perindustrian ubin di negara ini ingin maju, industri ini mesti dibangunkan melalui berbagai strategi dan sumber, kerana mengikut sejarah, itulah aliran yang dilalui oleh negara - negara maju hari ini.

1.0 : DEFINISI UBIN

Terdapat berbagai bentuk pengertian ubin yang boleh ditakrifkan mengikut kesesuaian keadaan, masyarakat, bahasa dan terjemahan sesuatu buku. Diantaranya ialah :

1. Dalam Bidang Seramik

Ubin dihasilkan dari tanah liat, pada asalnya berbentuk empat segi dan bersifat rata. Apabila digerlis permukaannya akan menjadi berkilat dan bercahaya. Bentuk-bentuk sedemikian menyenangkan cara untuk menghias permukaan dengan reka corak yang menarik.

Ubin adalah merupakan satu kepingan tanah liat yang telah dibentuk melalui dua proses pembakaran iaitu pembakaran 'bisque' dan pembakaran 'glost', di mana bahan utamanya ialah tanah liat dan lain-lain campuran mentah untuk menguatkan badan tembikarnya. Permukaan atasnya disepuh dengan gerlis, yang memberikan kesan 'matt-finish', 'semi-matt finish' dan 'glossy finish'. Sebelum pembentukan dibuat ke atas kepingan ini, bahan-bahan mentah menjadi komposisi kandungan ubin telah dibersihkan dengan menitikberatkan pengawalan mutu yang menjadi satu ciri penting di dalam pembuatan ubin.

Nipis, berkeping-keping atau blok dibuat secara bersusun-susun atau dekorasi pada bangunan. Pada awalnya, ubin telah dibuat dengan tanah liat yang dibakar samada mempunyai warna semulajadi atau bergerlis, tetapi ubin yang ada pada masa sekarang telah dibuat juga dengan plastik, kaca, asfat atau asbestos dan simen. Ubin 'acoustical' dibuat daripada bahan berfiber.

American Material Testing Corporation mendefinisikan ubin sebagai bahan-bahan yang berunit, dipasang di dinding, berbentuk nipis, samada bergerlis atau tidak. Ia dibakar sehingga merah untuk mendapat karektor fizikal ubin yang telah ditetapkan.